

Era Modernisme dan Pascamodenisme: Suatu Transformasi Seni Visual dalam Konteks Sosio-Budaya

Mohamad Kamal bin Abb. Aziz,
Jabatan Pengajian Budaya Visual,
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam,
Selangor, Malaysia.
email: mkamal054@uitm.edu.my

Received Date: 28 July 2021

Accepted Date: 16 August 2021

Available Online: 21 September 2021

ABSTRAK

Kertas kerja ini menyoroti teori-teori pemikiran modernisme yang sudah lama wujud dalam masyarakat dan menyelusuri bagaimana pembentukan pasca modernisme mulai mengambil tempat dalam masyarakat khususnya melibatkan seni visual. Kehadiran pemikiran pasca modernisme dikatakan sebagai sikap anti modernism. Justeru, persoalannya adakah ia muncul sebagai suatu andaian atau berlakunya suatu anjakan atau transformasi dalam memacu pertumbuhan dan perkembangan seni dan budaya. Objektif kajian ini ialah untuk membicarakan akan trend perubahan pemikiran pendukung seni ke atas fenomena seni visual dan budaya sejak dari era modernism lagi. Namun, sejauh mana kehadiran pemikiran pasca modernisme yang dikatakan sebagai anti modernism benar-benar dipraktikkan atau pemikiran modernism sememangnya sudah mati? Kenyataan tersebut turut merungkai pelbagai tanggapan atau benarkah belum ada suatu tafsiran atau pengertian yang jitu dan jelas antara “seni modern” dan “seni pascamoden”? Hal tersebut turut ditandai dengan munculnya pelbagai tafsiran serta masih wujudnya polemik atau bahasan di kalangan para ilmuan khususnya dalam wacana seni budaya. Kajian ini adalah menggunakan penyelidikan sekunder dengan bersandarkan kepada pelbagai teori dari disiplin ilmu. Sementara itu temu bual turut dilakukan dengan sejarawan seni tanah air dalam merungkai persoalan ini. Meskipun wujud pelbagai keraguan dalam pemisahan antara “modernism” dan “postmodernisme” namun ia memberikan suatu input yang menarik sehingga sering dikaitkan dengan munculnya beberapa ciri-ciri pemikiran serta gaya era pascamoden yang berbeza dari segi idea, konsep, pendekatan, bahan, penampilan, persembahan, idea, tafsiran dan pemaknaannya yang menjurus kepada transformasi seni visual dalam konteks sosio-budaya masakini.

Kata Kunci: *Modernisme, Postmodernisme, Transformasi, Anjakan, Fenomena Seni.*

The Era of Modernism and Post-Modernism: A Transformation of Visual Art in A Socio-Cultural Context

Mohamad Kamal bin Abb. Aziz,

Jabatan Pengajian Budaya Visual,

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor, Malaysia.

email: mkamal054@uitm.edu.my

ABSTRACT

This paperwork discusses some theories between modernist and post-modernist thinking that have been evolved in society. The presence of post-modernist thought is said to be anti-modernist. Thus, the question is whether it emerges as anticipation or the occurrence of a transformation shift at its pace in driving the development of art and culture. The objective of this study is to discuss the changing trends of art practitioners in the context of visual art and culture phenomenon today since the era of modernism. However, to what extent is the presence of post-modernist thinking that is said to be anti-modernism put into practice or is modernist thinking dead? The statement also dissects various notions or is it true that there is no precise and clear interpretation or understanding between "modern art" and "postmodern art"? This is also marked by the emergence of various interpretations and the existence of polemics or discussions among scholars, especially in the discourse of art and culture. This study is using secondary research based on various theories of disciplines and conducting an interview with art critics and art historians in resolving this question. Although there are various doubts in the separation between "modernism" and "postmodernism" but it provides an interesting input that is often associated with the emergence of some characteristics of the postmodern era thought and style that differs in terms of ideas, concepts, approaches, materials, appearance, presentation, ideas, interpretation and it is meaning that leads to the transformation of visual arts in the current socio-cultural context.

Keywords: Modernism, Postmodernism, Transformation, Paradigm shift, Art Phenomenon.

PENGENALAN

Umumnya, kita kini sudah pun melewati zaman yang ditakrifkan sebagai ‘pascamodernisme’. Berdasarkan pandangan bagi kebanyakan sejarawan seni, kewujudan pascamodernisme dikatakan sudahpun bermula pada akhir abad ke-20 yakni sekitar tahun 1975 dan selepasnya. Memandangkan modernisme dikatakan sudah berlalu, bererti tumpuannya kini adalah untuk berhadapan suatu senario yang baharu. Kehadiran pascamodernisme di negara ini juga mulai memaparkan suatu fenomena yang relatif baharu. Jelasnya, bagi beberapa negara, era ini sudah lama mengambil alih lalu menggantikan era modernisme (Mohamad Kamal, 2016).

Modernisme sejak dari awal disebut sebagai era Pencerahan (*Enlightenment*) iaitu sekitar tahun 1687 hingga 1789. Ia merupakan suatu usaha untuk mengangkat potensi keilmuan sains ke tahap yang dapat dimanfaatkan dunia. Setiap perincian ilmu pada waktu itu adalah disusuli penyelidikan dan kajian-kajian keilmuan yang dihasilkan. Antara lain adalah saranan daripada pandangan-pandangan ahli falsafah seperti Rene Descartes (1596-1650) dan Immanuel Kant (1724-1804). Antara intipati keserjanaan yang terhasil ialah bersandarkan kepada kekuatan sesuatu fakta yang beralasan lantaran menjadi asas kepada sesuatu kebenaran itu dinilai dan diterima secepat.

Sejarah Barat bersama-sama pandangan dunianya terhadap realiti kehidupan manusia semakin berkembang bermula seawal dekad pertama abad yang ke-20 lagi. Pendekatan Sigmund Freud dan pengenalan terhadap bidang ilmu psikologi telah memperkenalkan pendekatan psikoanalisis terhadap interpretasi mimpi sehingga melahirkan suatu gaya seni yang dikenali dengan Dadaisme dan Surrealisme dalam tahun 1930an. Penerokaan para pelukis ke alam tidak sedar atau alam bawah sedar bukan sahaja merakamkan alam imaginasi dan fantasi pelukis ke atas media visual bahkan telah merubah sekali citarasa dan pengolahan karya seni moden itu sendiri (James Strachey, 2010). Di sini, apa yang menjadi tarikan utama ialah kemampuan untuk mencabar suatu konsep yang terbangkit dari satu kesedaran baharu tentang dunia seni. Ia akhirnya membentuk suatu revolusi pemikiran di mana akhirnya mampu mengubah persepsi manusia (Hal Marcovitz, 2008). Sehubungan itu, setiap golongan masyarakat modernisme mulai mengadaptasikan suatu bentuk pemikiran yang meletakkan keupayaan alasan (*reason*) atau bersumberkan rasionalisme sebagai asas kemajuan dalam membentuk perubahan-perubahan sosial. Kesan daripada pendekatan tersebut telah melahirkan golongan ‘*egalitarianism*’ iaitu suatu doktrin yang mengatakan semua orang mempunyai prinsip hak dan peluang yang sama rata. Walau bagaimanapun, fahaman tersebut diakhiri dengan teretusnya Revolusi Amerika dan Perancis, Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua serta Deklarasi Kemerdekaan. Akhirnya, dasar tersebut hanya menjadi slogan populis yang cuma berupa nukilan indah di atas kertas sahaja, namun bukan sesuatu yang bersifat hakiki (Hal Marcovitz, 2008).

Kewujudan modernisme di tengah-tengah kancas sosial dan politik khususnya di Eropah telah mengubah landskap dan sistem budaya yang semakin urbanisasi sifatnya. Jelasnya, ia menjurus untuk menjadi lebih industri daripada pertanian sebagai sumber tumpuan utama. Dalam konteks ini, Malaysia juga turut mengalami era peralihan daripada sebuah negara berorientasikan pertanian, berubah menjadi negara perindustrian dan berteknologi tinggi dengan sandaran kepada keupayaan e-dagang dan e-ekonomi untuk menjana berpendapatan tinggi.

Di Barat, ikatan kepada pegangan beragama yang tersusun dalam kehidupan masyarakat sebelumnya menjadi semakin longgar dan tersasar. Ia terjadi disebabkan sekularisme dan materialisme hadir lalu memecahkan benteng tersebut dan mulai bertapak kukuh. Perhatian utama dalam modernisasi adalah tumpuan kepada kapitalisme, industrialisasi, sains, perbandaran, demokrasi, penyatuan dan kebebasan individu. Steven Best dan Douglas Keller (2001), merupakan sarjana pascamodernisme, menjelaskan istilah modernisme membawa konotasi proses sekularisme, komodifikasi, birokrasi, rasionalisasi dan perbezaan budaya yang telah menubuhkan suatu fenomena dunia moden.

Namun, bagaimana perhubungan dunia realiti dengan falsafah kehidupan yang dihuni mereka? Bagaimana bentuk penerimaan masyarakat terhadap kesan pemikiran dalam konteks kehidupan masakini secara kolektifnya? Apakah wujudnya batas-batas atau saringan-saringan tertentu dalam menangani isu-

isu seni dan budaya sesuatu tempat dan masyarakatnya? Demikian persoalan-persoalan yang menjurus kepada penerimaan mahupun penolakan tentang sesuatu yang wajar untuk dipraktikkan ataupun sebaliknya. Ataupun, mahu atau tidak mahu, ia adalah merupakan suatu proses transisi seni budaya yang sememangnya bersifat dinamik yang pasti mengalami perubahan dari satu tahap ke satu tahap yang lain apabila tiba masanya.

KAJIAN LITERATUR

Senario Seni Lukis

Sejak abad ke-19 dan ke-20, perkembangan seni moden di Barat mulai dan terus berkembang selaras dengan kepesatan teknologi kejenteraan bagi menggantikan penggunaan atau pergantungan sepenuhnya kepada tenaga buruh. Wujud persaingan ketara antara negara-negara di Eropah semasa Revolusi Perindustrian. Pengaplikasian terhadap pendekatan yang baharu ketika itu lebih terarah untuk mengubah ciri-ciri pemikiran, pelan tindak tanduk dan aktiviti masyarakat terhadap norma yang diungkapkan sebagai lebih wajar dan saintifik. Wujud pergerakan atau mobiliti sosial khususnya di kalangan kelas-kelas pertengahan untuk mendominasi kesenangan dan kemewahan yang berasaskan sumber dagangan, perbankan dan industri. Senario tersebut secara perlahan-lahan turut berlaku dalam merubah suasana politik bagi menggantikan golongan aristokrat.

Pembentukan ideologi atau gagasan sedemikian diukur lebih berkemampuan untuk mempertingkatkan penggunaan, keupayaan dan penguasaan kuasa pemikiran manusia secara lebih spesifik. Di samping itu, maka lahir para cendekiawan yang kritis tentang modeniti. Mereka lalu bangun bagi membangkitkan kisah-kisah penderitaan dan kesengsaraan golongan petani yang berada di bawah kuasa monarki serta penindasan para pekerja di bawah cengkaman kapitalis industri termasuk dasar koloni di seberang laut serta penghakisan orang-orang asli atau rakyat asal. Pelukis-pelukis realis mulai muncul dengan karya-karya bersifat sinikal dan ironinya mengetengahkan isu-isu masyarakat golongan proletariat mendepani kehidupan yang perit di bawah cengkaman penindasan golongan bourgeoisie.

Bersandarkan pendapat bagi sesetengah pengkritik ilmu sosial, modernisme dikatakan terarah kepada praktik-praktik sosial dan institusi yang walaupun diiktiraf sah dan berhak namun wujud satu bentuk pendominasian atau penguasaan daripada mereka yang minoriti terhadap golongan majoriti tetapi lemah. Golongan minoriti ini adalah mereka yang mempunyai kekuatan material dari segi aset dan modal manakala golongan majoriti pula adalah mereka yang hanya mampu menyumbang dari segi perkhidmatan semata-mata. Walhal modernisme seperti yang disuarakan menjanjikan dasar pelonggaran dan keadilan untuk semua. Justeru, kesemua prinsip dan kepercayaan adalah lebih menjurus kepada aspek keadilan, kebebasan, serta kemahuan sendiri untuk terus berada dan dinaungi sesuatu ideologi, sekularisme dan demokrasi (Lamoureux, 2006).

Oleh itu, setiap tafsiran mengenai paparan-paparan imej dapat memperjelaskan tentang nilai dan falsafah masyarakat, persekitaran tempat serta waktu yang terus menghiasi latar, gambaran atau identiti kepada pengkaryaan seni. Ia akhirnya mampu membangunkan kerangka intelektual serta membentuk budaya kefahaman tentang masyarakat. Ertinya sudah wujud suara penentangan yang terbit daripada arus pemikiran masyarakat semasa yang kritis (Robert Williams, 2009)

Reaksi tersebut telah memberi laluan penting penerokaan alam baharu seni lukis moden. Pelukis diberi kebebasan di mana pengkaryaan mereka tidak lagi terbatasi atau terikat mengikut kemahuan-kemahuan penaung seperti golongan bangsawan, aristokrat, saudagar kaya mahupun bank ataupun agama tetapi bersifat terbuka kepada sistem penaungan baharu di bawah undang-undang kapitalisme seperti galeri-galeri komersial, persendirian, korporat dan muzium. Apabila sistem atau amalan penaungan seni lama sudah berada ke penghujungnya, para pelukis pula bebas untuk memilih kandungan sendiri. Seni tidak lagi digunakan untuk memayungi akan kemewahan individu ataupun institusi berautoriti yang beragama seperti kegerejaan dan kuasa negeri yang secara tradisinya menaungi bagi kebanyakan karya catan dan

arca. Walaupun sebelum ini seni hanya bertujuan untuk memakmurkan pasaran seni kapitalisme, namun pelukis mulai menggunakan kebebasan mereka untuk mengetengahkan aspek-aspek seni yang lebih bersifat peribadi. Bererti, paparan seni untuk seni adalah lebih menepati atau bersesuaian dengan kemahuan atau tuntutan masyarakat pada ketika itu (Robert Williams, 2009).

Modernisme menumpukan perhatian kepada konsep '*avant-garde*' iaitu suatu pendekatan yang dinamik, bilamana aspek pemikiran mereka melangkaui jangkauan masa dan pensejarahan. Bagi pelukis *avant-garde*, mereka menolak sekatan-sekatan oleh golongan pelukis sebelumnya yang mendominasi *art salon* serta dari kalangan juri-juri konservatif. Mereka terus meneliti terhadap status quo malah acapkali mencabar ketetapan yang diajukan oleh golongan kelas pertengahan. Meskipun demikian, pada awal abad ke-20, teori modernisme mulai mendapat tempat dengan penampilan dua orang pengkritik seni Inggeris iaitu Roger Fry dan Clive Bell, yang memperkenalkan teori seni yang dikenali sebagai formalisme. Mereka mengutarakan bahawa pengalaman estetik seseorang tidak ditentukan oleh konteks sejarah atau gerak hati tetapi atas kemampuan pelukis itu untuk menggunakan pautan emosi pada elemen-elemen formal yang seimbang dan menyenangkan. Dalam konteks ini, modernisme dan formalisme seperti tidak dapat dipisahkan walaupun formalisme adalah cabang kepada yang lain (Lamoureux, 2006).

Sementara itu, kehadiran tokoh-tokoh terkenal seperti T.S Eliot, I.A Richards dan lain-lain dalam menghasilkan 'Kritikan Baharu' turut menyemarakkan lagi suasana formalisme. Pendekatan formalis dalam kritikan kesusasteraan ini mempunyai adunan yang serupa dengan seni visual di mana pengkhususannya adalah pada hasil karya itu sendiri. Suatu pembaharuan cuba dilakukan bagi menggantikan penekanan yang lebih kepada aspek di luar karya. Namun, susulan selepas tahun 1945, formalisme terus kukuh di Amerika Syarikat terutama di atas sumbangan dan pengaruh pengkritik seninya, Clement Greenberg. Bergerak di atas prinsip-prinsip formalis, beliau terus mengangkat gaya ekspresionisme abstrak dengan memaparkan karya-karya seperti Jackson Pollock, Mark Rothko dan Willem De Kooning. Suasana kemeriahan seni visual terus berkembang apabila berlakunya perpindahan pusat kesenian dunia dari kota Paris ke New York. Apa yang menarik, ialah pengaruh aliran ekspresionisme abstrak ini mula diperkenalkan di Malaysia pada era 50an yang dipelopori pelukis Syed Ahmad Jamal dan menjadi titik tolak kepada perkembangan seni moden di Malaysia.

Bersandarkan pendapat Arthur Danto (1964), beliau menjelaskan bahawa sejarah modernisme sudah bertapak lama dari segi konsep dan masa. Menurutnya, penonjolan bagi keseluruhan konsep seni untuk tidak meletakkan aspek kecantikan terus menghiasi pada pengolahan subjek bergambar (*pictorial*) dari sentuhan pelukis. Sebenarnya, mereka menidakkan konsep estetik sebagai seni yang ideal. Ia memaparkan suatu sikap yang jelas bahawa aspek idea itu adalah lebih jitu berbanding hasil kerja seni yang siap. Kritikan baharu oleh Howard Smagula turut mempamerkan pembaharuan dan anjakan. Bagi pelukis, mereka boleh mengambil bahagian sama ada dalam suasana baharu seni konseptual atau menuruti keilmuan beralasan yang hadir dalam dunia seni. Dalam hal ini, Danto menjelaskan pengakhiran seni itu sebagai suatu kebebasan. Ia dibuktikan dengan penampilan karya-karya seni visual yang menarik, seakan meraikan pembebasan dan pemberontakan terhadap aturan dan ketentuan dalam pilihan bahantara seni serta kaedah yang menjadi unsur-unsur penting seni konvensional. Apabila dikatakan seni sudah berakhir justeru, seseorang itu boleh menjadi pelukis naturalis atau realis, abstrak, surealis, pop, dekoratif, landskap atau metafizik. Segalanya memungkinan apabila tiada yang memperolehi mandat sejarah (Arthur Danto, 1964).

Oleh sebab itu, Arthur Danto beranggapan sebagai titik atau tanda akan 'kematian seni' (*death of the arts*). Ramai berpandangan bahawa pernyataan sebegitu adalah keterlaluan dan tidak berapa tepat. Kemungkinan Danto berpendirian bahawa seni visual kontemporari Barat sudah lama kehilangan nilai disebabkan arus kemajuan sains dan teknologi. Meskipun modernisme dikatakan sudah berada di ambang pengakhirannya namun tradisinya dalam hubungan jaringan produksi dan perlambangan seni visualnya telah bertapak kukuh. Namun, timbul suatu persoalan tentang gagasan modernisme itu, apakah ternyata sudah mati? Apapun penyataannya, dalam perkara ini seni itu tidak pernah mati selagi manusia menghargai idea-idea kreatif dan menyantuni kreativiti, maka selagi itulah ia akan hidup dan terus berkembang (Mohamad Kamal, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif dengan huraian secara deskriptif dan interpretif. Penyelidik memperolehi sumber maklumat menerusi kajian perpustakaan dan kaedah temu bual. Kajian ini adalah tertumpu kepada kajian historikal kerana ia mempunyai hubungan antara masyarakat, seni dan budaya sebagai asas kemajuan dan pembentukan pembangunan sesuatu gagasan. Memandangkan asas seni visual mula bertapak dan berkembang pesat di Barat, maka aspek perbincangan adalah berkisar kepada prinsip dan teori seni, sosiologi dan anthropologi budaya. Oleh itu, penyelidik turut menemu bual pengkritik seni dan sejarawan seni tanah air bagi memperolehi pandangan, pendapat, pendedahan serta keilmuan mengenai bidang yang dikaji bagi mendapatkan tafsiran dan perspektif yang lebih luas dan menyeluruh. Perolehan maklumat tentang kajian ini akan dapat menyumbang kepada huraian dan penjelasan yang dapat memberikan sesuatu signifikan tertentu dari aspek historikal dan dari sudut sosio-budaya.

Kaedah Temu Bual/Interview

Bagi memperolehi maklumat, penyelidik menemu bual dua (2) orang informan. bersandarkan kepada aspek keilmuan, kepakaran, dan pengalaman dalam bidang yang dikaji. Kaedah temu bual secara 'one-to-one' menyumbang kepada maklumat berkaitan. Mereka adalah terdiri daripada sejarawan seni, pengkritik dan ahli akademik yang mempunyai pengetahuan luas berlatar belakangkan sejarah seni dan kritikan seni.

Perbincangan meliputi soalan-soalan terbuka bagi mendapatkan tafsiran dan perspektif yang lebih luas dan jelas mengenai aspek dan perkembangan seni visual dunia dan juga seni lukis tempatan serta mendapatkan pandangan menyeluruh tentang kajian ini. Soalan-soalan adalah ditandai dengan soalan umum, soalan yang khusus dan soalan berbentuk pandangan perbadi. Setiap penjelasan, penghuraian, pentafsiran mahupun penilaian seni itu adalah dibuat secara objektif, relatif dan subjektif. Perolehan maklumat tentang subjek akan dapat menyumbang kepada huraian dan penjelasan yang lebih menyeluruh.

Senarai nama Informan yang ditemu bual

Jadual 1.1: Nama informan yang ditemu bual

Bil.	Nama Pengkritik	Profesion
1.	Prof . Dr. D'zul Haimi Mohd Zin	Sejarawan Seni, Ahli Akademik dan Pengkritik
2.	Prof. Dr. Mulyadi Mahamood	Sejarawan Seni, Ahli Akademik dan Pengkritik

DAPATAN KAJIAN

Walaupun masyarakat menerima dan mewarisi gagasan modernisme itu sebagai sangat berpengaruh tetapi terbatas. Masih terdapat pandangan-pandangan yang positif mengenai ciri-ciri modernisme seperti antara lain; kreativiti individu, ketulenan, keunggulan artistik (*genius*), menghargai keaslian (*authentic*) serta kualiti hasil karya sebagai asas manifestasi budaya. Di samping itu, terbentuk sikap menghargai kepada kaedah persembahan abstrak melebihi penceritaan (*narrative*), isi kandungan berunsur politik, signifikan dari sudut historikal, meremeh produk seni yang dianggap kurang berguna dalam masyarakat serta memandang rendah terhadap kelas pertengahan yang tidak peka terhadap nilai pasaran seni.

Walau apapun, menurut pendapat sejarawan seni, era modernisme adalah sudah berakhir. Mulai tahun 1975, masyarakat bersedia untuk bergerak bagi menghadapi era baharu yang disebut sebagai pascamodernisme. Namun, di Malaysia, titik mula perubahan tersebut berlaku agak lewat sedikit iaitu sekitar 1985 dan berikutnya. Dalam pada itu, wujud berbagai-bagai tafsiran tentang pengistilahan pascamodernisme yang kadangkala mengelirukan. Ada yang menegaskan, ia membawa maksud anti-modern malahan ada yang mengatakan ia suatu misi penyemakan atau penyusunan semula ke atas modernisme. Terbitnya sikap anti-modern adalah bersandarkan kepada penolakan terhadap prinsip-prinsip modern. Bagi pendukung pascamodernisme, mereka mula tampil memperagakan dunia seni dengan konsep dan nilai estetika yang berpecah daripada modernisme. Bermakna, sikap dan komitmen mereka sudah menampakkan bibit-bibit perubahan. Namun, tidak semua ahli teoritis mengakui dan menerima kenyataan bahawa seni modern itu sudah mati, ataupun sudah ketinggalan zaman meskipun bilangan yang memercayainya adalah ramai. Jikalau benar modernisme sememangnya sudah tamat, bererti masyarakat sedang menuju ataupun sudah berada pada era yang baharu. Apa pun tafsirannya, isu atau polemik ini menimbulkan pelbagai perbincangan yang kadangkala wujud perdebatan berpanjangan. Umumnya, anti-modern adalah penolakan terhadap kanun-kanun modernisme, antara lain doktrin terhadap kekuasaan beralasan (*reasoning*), anggapan kebenaran, kepercayaan terhadap kesempurnaan manusia dan penciptaan idea yang lebih baik jika tidak sempurna.

Disebabkan impak terhadap sistem pasaran dan konsumerisme, justeru diperlihatkan akan pengaruh seni pascamodern itu turut mengalami kurangnya kekuatan untuk bersuara. Situasi tersebut meletakkan seni visual itu hanya sebagai bahan hiburan atau hiasan semata-mata. Bagi sesetengah sarjana, mereka melihat perbincangan seni visual pascamodernisme ini ke dalam ruang dimensi yang terasing serta terpisah daripada ruang lingkup masyarakat. Berikutan itu, golongan kapitalis berkepentingan mulai menggunakan seni visual untuk tujuan memantapkan hegemoni masing-masing yang bersifat ekonomistik dan menjadikan seni itu sebagai alat menjana pendapatan.

Walau bagaimanapun pasca modernisme bukan hanya gaya artistik tetapi lebih kepada tatacara kehidupan media perkampungan global. Keadaan ini adalah selaras dengan perubahan kelas dan budaya terutama dalam masyarakat industri. Ini memberikan suatu cabaran besar kepada cara berfikir tentang dunia yang mempunyai asas dan teori-teori pembangunan dan kemajuan manusia. Lyotard dan Habermas menyarankan kajian terhadap seni budaya sebagai suatu proses yang menekankan konteks sosial. Yang paling penting di sini ialah aspek pembentukan budaya dan masyarakatnya. Pascamodernisme menolak idea bahawa tradisi Eropah seperti sudah menetapkan standard universal untuk menilai kebenaran sejarah budaya atau politik. Sememangnya, tidak ada tradisi yang benar-benar dapat berbicara dengan autoriti dan kepastian untuk seluruh manusia. Sebaliknya, sebilangan besar tradisi dapat dinilai berdasarkan cara-cara tertentu untuk melihat dan mendekati seni.

Derrida pula menambah, semua penerangan mengenai dunia, termasuk fakta-fakta saintifik hanyalah cerita atau hujahan yang direka-reka oleh manusia. Menurutnya, tiada apa yang dikatakan sebagai kebenaran tetapi cuma perbincangan. Walau bagaimanapun, adalah sesuatu yang menyakinkan untuk ditakrifkan sebagai satu pendekatan perubahan gaya atau aturan memabitkan sejumlah besar ruang dalam seni yang sudah melebihi satu abad.

Bagi golongan pascamodernisme hasrat mereka adalah mahu menafikan segala kepentingan bagi memperjelaskan mengenai pandangan dunia (*world-view*) terhadap diri sendiri, dunia realiti, permaknaan dan kebenaran meliputi aspek ketuhanan. Pandangan sebegini adalah dikenali sebagai pascamodernisasi dekonstruktif. Aliran ini disebut sebagai '*nihilistic*' yang mentakrifkan bahawa segala nilai itu adalah tidak berasas, tiada bermakna mahupun dikomunikasikan. Selain itu, terdapat satu kefahaman pilihan lain yang mahu mengambil sebahagiannya dengan merujuk kembali kepada premis modernisme yang disebut sebagai pascamodernisme konstruktif .

Bagi pascamodernisme konstruktif, golongan ini tidak menolak modernisme tetapi cuba membuat penelitian dan tinjauan semula tentang konsep dan prinsip asas sebelumnya. Mereka mendukung suatu bentuk kesatuan baharu tentang nilai estetik, etika, keagamaan dan saintifik. Jelasnya, perkara yang dinafikan di sini tentunya bukan sains tetapi pendekatan saintifiknya. Ia tertakluk kepada perolehan data-data sains semula jadi untuk mewujudkan pandangan dunia. Mereka juga membuka ruang untuk meneliti semua fahaman pramodern bagi mengupas persepsi realiti tentang ketuhanan, memperhalusi pengertian kosmologi serta memajukan persona alam semula jadi. Pendirian mereka adalah untuk mengantikan modernisme yang menurut hemat mereka sebagai mengganggu atau merencatkan perjalanan arah tuju kesenian di era ini. Berikutan itu, gerakan pascamodernisme konstruktif ini terus berkembang dan dikenali sebagai gerakan "Era Pemikiran Baharu" (Zoya Kocur and Simon Leung, 2005).

Memandangkan konsep dan hubungan kepelbagaian objek seni serta huraianannya, ia menjadi lebih sukar untuk dibincangkan terutama dalam menilai seni baharu ini. Walau bagaimanapun ia harus ditafsirkan, dihujahkan dalam menentukan setiap pilihan kriteria untuk menilai seni. Oleh itu, piawai dan kriterianya tidak dianggap sebagai mutlak, jelas dan universal seperti yang dilakukan oleh pengkritik-pengkritik moden. Ini telah dilihat sebagai salah satu masalah pascamodernisme, yang dihadapi pengkritik pascamodernisme itu sendiri. Greenberg sendiri menyiratkan bahawa pascamodernisme adalah pengenduran standard modernisme. Namun, walaupun terdapat permasalahan semasa dalam menghadapi kepelbagaian dan menetapkan standard, konsep pada zaman pascamodern terus menjadi semakin penting. Objek dilihat sebagai tidak stabil, di mana ia tertakluk kepada pelbagai kemungkinan penafsiran, tulisan seni yang menjadi semakin kritis dan penting. Bererti, objek seni bukan lagi sekadar objek, melainkan menjadi acara atau peristiwa di mana ia berada.

KESIMPULAN

Jelasnya, modernisme dan pascamodernisme adalah gagasan berbeza tetapi saling bergantung. Skop tumpuan salah satu daripadanya mampu mengupas intipati kajian yang lain. Justeru, masih wujud kecenderungan daripada para pelukis mahupun pengkritik seni untuk meneruskan dimensi modernis. Meskipun ramai beranggapan bahawa modernisme kini sudah berada di penghujung atau pengakhirannya, namun, apa yang pasti zaman tersebut pernah mengalami pembaharuan dan dinamik. Ia merupakan suatu fenomena yang pernah bergerak maju untuk mengeneppkan persepsi dan dogma yang bersifat tradisional serta kepatuhan kepada sistem hirarki yang rigid dan kaku. Apa yang jelas, nilai-nilai konvensional disaingi dengan pembentukan pendekatan baharu yang menjurus kepada perubahan sekali gus meninggalkan pengaruh, gagasan dan impak yang bukan sedikit kepada masyarakat dan budayanya. Di Malaysia, perkembangan seni visual kita berada di landasan yang sejajar dengan pergerakan seni visual global. Ia merupakan suatu transformasi atau anjakan seni yang mulai berlaku di awal era 70'an, di mana seni visual sudah menerokai suatu dimensi baharu dengan idea-idea yang bersifat analitikal dan filosofikal. Meskipun, ia berupa suatu kejutan, namun ia telah menyediakan suatu ruang penerokaan dan perbicaraan yang memacukan pergerakan seni yang berdaya saing di pentas global selepas pertengahan tahun 1980'an. Walau bagaimanapun, di samping menekankan aspek percambahan idea yang jitu, penekanan juga dilihat dari segi persembahan, pengaplikasian bahantara serta penilaian estetik. Di samping peranan yang dibawa oleh para pelukis, penerimaan masyarakat juga perlu setara supaya ia dapat membentuk suatu budaya pemikiran yang selari dengan perkembangan dan pencapaian semasa.

RUJUKAN

- Best, Steven and Kellner, Douglas (2001). *Postmodern Theory: Critical Interrogations*. New York: The Guilford Press.
- Danto, Arthur (1964). The Artworld Journal of Philosophy. *Journal of Philosophy*. 61, 571-84.
- Danto, Arthur (1998). *The Wake of Art*. Amsterdam: Pub. Netherlands
- Greenberg, Clement (1978). *Art and Culture*. US: Beacon Press
- Habermas, Jurgen (1981). *The Theory of Communicative Action Vol. 2, Lifeworld and System: A Critique of Functionalist Reason*. Massachusetts: Beacon Press.
- Hauser, Arnold (1959). *The Philosophy of Art History*. London: Phaidon.
- Herskovits M., Frances S. Herskovits and Jane Guyer (1970). *Dohomean Narrative; A Cross-Cultural Analysis*. Illinois: Northwestern University Press.
- Kocur, Z. and Leung, S. (2005). *Theory in Contemporary Art since 1985*. United Kingdom: Blackwell Publishing Ltd.
- Kavolis, Vytautas (1972). *History on Art's Side: Social Dynamics in Artistic Efflorescence*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Lamoureux, Johanne (2006). *Avant-Garde: A Historiography of a Critical Concept, in Amelia J. A Companion to Contemporary Art since 1945*. UK: Blackwell Publishing Ltd.
- Marcovitz, Hal (2008). *Surrealism*. London: Tate Publishing.
- Mohamad Kamal bin Abd Aziz (2016). Kritikan Seni dari perspektif Sosio Budaya di Malaysia. Kuala Lumpur: Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya.
- Muliyadi Mahamood (2003). An Overview of Malaysian Contemporary Cartoons. *International Journal of Comic Art*. 5 (1), 292–304.
- Preble Duane, Preble Sarah and Frank Patrick (1999). *An Introduction to the Visual Arts*. USA: Harpercollins College Div.
- Redza Piyadasa (2002). *Masterpieces from the National Art Gallery of Malaysia*. Kuala
- Rosenblum, R. and Janson, H.W. (1984). *19th Century Art*. New York: Abrams.
- Rowland, Kurt (1973). *A History of Modern Movement: Art Architecture Design*. New York: Van Nostrand Reinhold Company, London: Looking and Seeing.
- Safrizal Shahir (2004). *Modernisme, Seni Modern dan Seniman Modern: Satu Pemahaman antara Ideologi Asalnya dengan Pengalaman Malaysia*. Wacana Seni Journal of Arts Discourse 3. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia,
- Strachey, James (2010). *Sigmund Freud – The Interpretation of Dreams: The Complete and Definitive Text*. New York: Basic Book Publisher

Williams, Robert (2009). *Art Theory, An Historical Interoduction (2nd Edition)*. United Kingdom: Blackwell Publishing Ltd.